

# Projek monorel di Johor RM1b

Fasa pertama hubungkan kawasan komersial, pentadbiran, perumahan berkepadatan tinggi

Oleh Abdul Razak Raaf

**J**OHOR BAHRU: Fasa pertama cadangan projek pembinaan monorel di sini dijangka memabitkan kos lebih RM1 bilion bagi menghubungkan sebahagian besar kawasan komersial, pentadbiran dan perumahan yang berkepadatan tinggi di bandar raya ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata cadangan laluan fasa pertama sistem monorel itu bermula dari sebelah timur bandar raya ini iaitu di Ulu Tiram dan Daerah Perniagaan Sentral (CBD), manakala di sebelah barat dari Hospital Sulatan Aminah (HSA) dan berakhir di Teluk Danga.

Sehubungan itu, beliau akan mengetuai satu rombongan ke Beijing, China hujung minggu ini untuk melawat syarikat yang memiliki teknologi pembuatan sistem monorel yang kompetitif dan berdaya saing dari segi harga.

"Kita perlu meninjau kilang yang memiliki teknologi pengeluaran kereta api bagi sistem monorel selain mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan projek itu daripada syarikat berkenaan termasuk pembiayaan, kos pembinaan dan penyelenggaraan.

"Kita mahu melaksanakan projek pembinaan sistem monorel bagi menampung keperluan warga bandar raya ini tetapi pada masa sama perlu melihat semua aspek kerana ia memabitkan satu perbelanjaan yang besar," katanya selepas melancarkan Kempen Bumi Hijau Peringkat Johor di Taman Sri Skudai, di sini semalam.

Abdul Ghani berkata, kerajaan negeri sudah menerima dua kertas cadangan yang dikemukakan dua syarikat tempatan yang bergabung dengan syarikat luar negara dari China dan Korea Selatan untuk melaksanakan projek itu.

Mengenai dana pembiayaan, be-

liau berkata, ia belum diputuskan tetapi kerajaan negeri mengharapkan sokongan Kerajaan Pusat dengan memberi sedikit sumber kewangan serta bantuan.

Dalam perkembangan lain, Abdul Ghani berkata, kerajaan negeri menyalu-alukan langkah Penerbangan Malaysia (MAS) mengekalkan laluan penerbangan dari Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI), Senai ke Kuching, Sarawak.

Bagaimanapun, katanya, MAS perlu pertimbangkan semula cadangan menyerahkan perkhidmatan laluan LTSI ke Kota Kinabalu, Sabah kepada syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia kerana ia akan menjejaskan keperluan dan permintaan penumpang kumpulan profesional, ahli perniagaan dan korporat.

Katanya, beliau akan mendapatkan gambaran sebenar perkara itu apabila menemui Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dalam tempoh terdekat.

BH - 20/7/2006